

VISI SALIB KALVARI

oleh *Bobby Conner*

Cahaya matahari yang sederhana panas secara lembut masuk melalui tingkap ke dalam pejabat saya sambil saya memaksa perhatian saya dialihkan dari hari musim bunga tersebut yang cantik. Duduk di dalam kerusi saya, saya membawa balik tumpuan saya kepada alkitab saya yang terbuka dan pad catatan yang terlalu bersih yang terletak di atas meja yang dalam, kaya dan tergilap. Saya dalam proses menyediakan nota-nota berkhotbah dalam subjek salib Kristus. Saya sudah bercakap dalam subjek ini beberapa kali sebelumnya, tetapi sekarang saya inginkan secara mendalam sesuatu yang lebih baru lagi. Saya tidak bersedia untuk apa yang akan terjadi. Persekitaran saya yang tenteram akan bertukar secara menyeluruh (radikal). Menolak kerusi saya ke depan, menghampiri Ayat Alkitab dan kertas catatan saya, saya mula berdoa, meminta Roh Allah membuat mesej salib menjadi nyata. Saya tidak mahu menggunakan hanya segugus kata-kata. Saya mahu salib tersebut menjadi lebih daripada satu mesej sahaja. Saya ingin sekali orang-orang mendengar Firman-Firman hidup. Saya mahu ia menjadi sesuatu yang sangat berkuasa yang akan mengubah hidup-hidup kami. Jadi saya memulakan doa saya daripada satu hati yang lapar.

Tiba-tiba tanpa amaran, lebih pantas daripada kelajuan cahaya, saya bukan lagi duduk secara selesa di bilik telaah. Saya sedang dibawa oleh Roh Allah melalui masa dan ruang. Seperti Paulus nyatakan di dalam Ayat-Ayat Alkitab, jika saya ada di dalam badan ataupun di luar badan saya tidak tahu. Tidak lama lagi, saya diletakkan ke atas jalan-jalan sibuk di Yerusalem. Saya boleh mendengar bunyi-bunyi kumpulan orang, saya boleh merasai satu keadaan rangsangan (keghairahan) yang jahat di udara yang membuat roh saya sangat tidak selesa. Saya sedang berdiri di satu kumpulan orang ramai yang sangat besar. Sambil melihat muka-muka mereka, saya berperasaan yang ada beberapa orang dipenuhi dengan kesedihan yang ikhlas dan orang lain dengan sengihan yang jahat. Perkara seterusnya, saya tahu saya ditolak ke tepi oleh seorang askar Rom yang besar, yang memaki saya dan memekik "Keluar dari sini!" Kemudian saya lihat dan nampak apa yang kumpulan orang ramai sedang menunggu...Yesus memikul salibNya. Saya tidak percaya apa yang saya lihat. Belum pernah saya nampak pandangan yang begitu dahsyat. Seluruh mukanya diliputi dengan darah yang beku dan kering dari luka-luka yang disebabkan oleh satu mahkota duri-duri yang nampak seperti pancang-pancang yang sangat tajam yang dipacak ke dalam kepalaNya. Setiap kali hatiNya berdegup, darah segar yang berwarna biru merah gelap akan memancut di antara pancang-pancang dan duri-duri, mengalir turun dari dahiNya dan ke dalam mataNya, menitis ke dadaNya dan ke atas jalan berhabuk. Fikiran saya berpusing-pusing. Saya fikir "tidak mungkin ini berlaku, ini berlaku pada tahun-tahun dahulu." Ketika itu, mata kami bertemu, walau bagaimana sekalipun, dan saya tahu tanpa keraguan, ini adalah nyata (benar). Entah macam mana, saya telah dibawa ke penyaliban!

Ia bukan mimpi; saya ada di sana.

Terperanjat, saya berjalan terhuyung-hayang di tepi kumpulan orang ramai, terlalu terkejut untuk bercakap, memerhatikan sambil Yesus tersandung di bawah beban salib yang berat. Angin-angin yang panas yang meniup habuk dari jalan meniup buka bahagian yang koyak pada pakaiannya yang berlumuran dengan darah dan saya nampak sekali imbas luka-luka di belakangNya dan bahu-bahuNya, dalam ...daging terkoyak ...berlubang ...terbuka. Untuk satu masa yang panjang, kami bergerak naik di atas laluan yang curam di luar dinding kota. Akhirnya kami sampai di puncak Bukit Tengkorak. Kumpulan orang bangkit dengan kerangsangan (keghairahan) apabila Tuhan dicampak dengan keras ke atas tanah. Tanpa pergelutan Dia menggeliat (menjangkau) lengan-lenganNya.

Udara adalah begitu penuh dengan roh-roh (setan-setan) jahat yang menindas sehingga ia adalah susah untuk bernafas. Bau darah dan bendalir-bendalir badan adalah betul-betul kuat sehingga saya sedang lemas; dan saya boleh terbau sesetengah minuman keras yang sangat busuk ataupun ale (sejenis bir) murah yang datang daripada askar-askar. Saya terdengar bunyi tukul berdebat yang berat apabila ia memukul pancang-pancang ke dalam tangan-tanganNya dan kaki-kakiNya. Salib itu diangkat dengan sangat kasar dan diturunkan ke dalam lubang. Saya terdengar satu keluhan yang dalam datang daripada tekak (kerongkong) Tuhan sambil seluruh berat badanNya menekan pada pancang-pancang tersebut. Saya tidak akan melupai bunyi-bunyi, apa yang dilihat dan bau-bau detik ini. Ia seolah-olah masa sudah berhenti. Saya tidak tahu berapa lama saya ada di sana; ia seperti untuk berjam-jam. Ini adalah tempat yang tiada belas kasihan! Namun demikian, perbuatan yang paling penuh dengan belas kasihan sedang dicapai. Saya tidak akan melupai perasaan-perasaan paradoks. Yang Tiada Dosa dan Yang Tiada Bersalah sedang mati sebagai seorang yang bersalah. Yang Sempurna sedang dirosakkan oleh lembing dan dimusnahkan oleh salib. Yang Muhsin (Baik) sedang mati untuk yang memberontak. Sambil saya mengangkat mata saya untuk melihat Kristus di atas salib, kesakitan yang ada di atas mukaNya adalah lebih daripada apa yang hati saya boleh tahan; semua tenaga meninggalkan kaki-kaki saya dan saya merasai badan saya jatuh berdebat ke atas tanah. Saya bersusah payah bangun di atas lutut-lutut saya. Saya tahu sekarang makna kata-kata nabi, "Dan apabila saya melihatNya, tiada apa-apa padanya yang menarik hati yang membuat kita menginginiNya" (Yes 53:2). Saya boleh mempersaksikan yang mukaNya adalah lebih dicatikan daripada apa saya pernah nampak. Kesakitan yang dilalui oleh Yesus adalah lebih daripada salib. Ia adalah lebih daripada apa perkataan-perkataan manusia boleh gambarkan. DagingNya adalah pucat biru sambil Dia tergantung di antara syurga dan bumi membuat penebusan dosa untuk orang-orang berdosa seperti saya. Ketika itu, saya tidak dapat mula untuk menggambarkan betapa dahsyatnya saya sebagai seorang yang berdosa. Perkataan-perkataan lagu membanjiri masuk ke dalam hati saya. "Apabila saya memerhatikan salib yang mengagumkan di mana Putera Kemuliaan mati di atasnya, perolehan-perolehan saya yang paling kaya, saya kira hanya kerugian dan curahkan kebencian di atas semua keangkuhan saya."

Saya boleh nampak Tuhan sambil Dia bergelut di bawah kesakitan salib tersebut; dan sambil Dia mengangkat beratNya dan menarik nafas untuk menyuarakan perkataan-perkataan ini, "Bapa, ampunilah mereka kerana mereka tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka" (Luk 23:34).

Kemudian, saya terdengar seruan yang paling dahsyat daripada bibir Tuhan kita yang kering kontang, bengkak dan berdarah...teriakan ini masih berbunyi di dalam telinga-telinga saya sehingga waktu ini: "Ya Allah Saya, ya Allah Saya, mengapa Engkau meninggalkan Saya?" (Mat 27:46) Pertanyaan ini datang daripada jiwa Anak Allah. Untuk kali pertama di dalam kesemua keabdian, Anak dan Bapa adalah terpisah. Inilah pertama kali Kristus pernah merujuk kepada Allah melainkan Bapa. Kenapa? Kerana sekarang Kristus sudah menjadi seperti Kita, Dia telah mengambil ke atas DiriNya dosa-dosa Kita. Ayat Alkitab mengatakan bahawa Tuhan adalah daripada mata yang lebih murni daripada memandang dosa, jadi Allah Bapa memusingkan belakangNya terhadap AnakNya dan Kristus ditinggalkan oleh BapaNya. Inilah kepedihan yang Dia minta dialihkan di dalam taman apabila Dia berdoa, "Biarlah cawan ini berlalu daripada Saya" (Mat 26:39). Dia tidak sanggup memikirkan DiriNya sedang ditinggalkan oleh BapaNya. Pada detik ini Kristus bukan sedang mati sebagai Anak tetapi lebih sebagai seorang berdosa. Apabila ini berlaku, hatiNya hancur. Seperti penulis Mazmur bernubuat: "Hati saya seperti lilin, ia sudah menjadi cair di dalam saya" (Mzm 22:14).

Kemudian dengan seruan yang kuat Kristus Yesus berfirman, "Bapa, ke dalam Tangan-tangan Engkau Saya serahkan Roh Saya" (Luk 23:46) dan kepalaNya yang tidak bernyawa jatuh dengan tidak bermaya di atas dadaNya. Seluruh bumi berpusing-pusing dan bergegar; kegelapan yang dahsyat ada di merata-rata. Saya terdengar jeritan-jeritan datang dari kegelapan dan tiba-tiba saya menyedari bahawa jeritan tersebut datang daripada bibir saya sendiri. Saya bukan lagi ada

di kaki salib, saya sudah kembali ke dalam pejabat saya; tetapi teriakan dan jeritan masih bergema di dalam telinga-telinga saya. Seluruh badan saya bergegar dan menggeletar.

(Visi Berakhir)

UPACARA ATAU HUBUNGAN

Saya tidak dapat menceritakan semua apa yang saya nampak dan alami pada masa ini tetapi saya boleh memberitahu kamu yang saya tidak akan jadi seperti dulu. Dan saya lebih yakin sekarang lebih daripada dulu, yang mengkhabarkan salib adalah kuasa Tuhan ke arah penyelamatan. Ayat Alkitab mengatakan: “Kristus mengutus saya bukan untuk membaptis orang tetapi untuk menginjil, bukan dalam kebijaksanaan pertuturan, kalau-kalau salib Kristus menjadi tidak berkesan” (1 Kor 1:17).

Salib Kristus bukan barang perhiasan yang kecil, kurang berharga dan lapuk atau beberapa barang kemas yang penuh kenangan dan mengikut adat istiadat, untuk dipakai di leher kita; tetapi lebih tepat salib tersebut adalah betul-betul inti pati hati Bapa Allah yang penuh kasih sayang mencapai kepada manusia yang sudah jatuh. Satu-satunya harapan manusia untuk dibebaskan dari genggaman dan rasa bersalah dosa ialah kerja Kristus yang sudah selesai di salib. Allah tidak meminta orang memeluk hanya satu upacara, tetapi sebaliknya memasuki ke dalam satu hubungan yang kekal. Ini hanya boleh dicapai melalui salib Kristus.

SALIB ADALAH SECARA RANCANGAN KETUHANAN

Injil (Berita Baik) ialah “Kristus Yesus mati untuk dosa-dosa kita menurut Ayat-Ayat Alkitab; dan bahawa Dia telah dikebumikan; dan bahawa Dia telah dibangkitkan pada hari ketiga menurut Ayat-Ayat Alkitab” (1 Kor 15:3-5). Perhatikan istilah “menurut Ayat-Ayat Alkitab”. Pengorbanan Kristus untuk dosa kita di atas salib adalah secara rancangan ketuhanan (“divine”). Kematian Kristus di atas salib tidaklah secara kebetulan ataupun sembarangan. Yesus mengatakan “Untuk sebab inilah Saya dilahirkan, dan untuk sebab inilah Saya datang ke dalam dunia” (Yoh 18:37). Injil-injil memberitahu kita yang Tuhan Yesus berbicara tentang salib sebelum kematianNya (Lihat Mat 10:38; Mrk 10:21; Luk 14:27).

Pengorbanan Kristus di atas salib untuk manusia berdosa adalah contoh kasih Allah yang paling ulung. Ayat-Ayat Alkitab mengatakan “Tiada kasih yang lebih agung yang dipunyai oleh orang daripada ini, bahawa dia mengorbankan nyawanya untuk kawannya” (Yoh 15:13). Inilah yang sebenarnya yang Yesus lakukan untuk kita. Dia rela datang ke dalam dunia ini untuk menyerahkan nyawaNya sebagai tebusan untuk menyelamatkan manusia yang sudah jatuh. Paulus berkata: “Kristus mati untuk orang fasik (jahat)...Dia mempertunjukkan kasihNya sendiri kepada kita; bahawa, sewaktu kita masih orang-orang berdosa, Kristus mati untuk kita” (Rom 5:6-8). Kita adalah bersalah dan patut menerima penghakiman Allah, tetapi Allah begitu mengasihi kita sehingga Dia sanggup membenarkan AnakNya menjadi dosa untuk kita, agar kita, dengan menerima Dia sebagai Tuhan dan Penyelamat kita yang peribadi, boleh dibebaskan dari hukuman dosa.

Tidak seorang pun boleh gagal melihat di dalam pengajaran Perjanjian Baru, Kristus dipaparkan sebagai mengambil tempat orang berdosa di dalam kematianNya. Kematian Yesus di atas salib Kalvari adalah dilakukan dan dialami oleh seseorang bagi pihak seorang lagi, dan ini bermakna Kristus mengambil tempat mati dan hukuman kita. Setiap berkat penyelamatan berpunca daripada orang yang percaya melalui kematian Kristus yang menggantikan. “Dia yang tidak mengenal dosa dijadikan dosa bagi pihak kita; supaya kita dapat menjadi kemuhsinan Allah di dalamNya” (2 Kor 5:21).

Salib dan perkhabaran salib, adalah betul-betul teras, dan pusat agama Kristian. Yesus berfirman, "...dan jika saya diangkat (ditinggikan dari bumi), saya akan menarik semua orang kepada diri Saya" (Yoh 12:32). Semoga Allah membantu kita mengumumkan dengan berani mesej Kristus yang mengubah.

Oleh Bobby Conner